

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **Ramadan Disemarakkan dengan Keprihatinan: Jelajah mySalam Santuni Hampir 2,000 Masyarakat B40**

*Program kebajikan ke seluruh negara merangkumi iftar komuniti, bantuan keperluan asas dan sokongan kesihatan sepanjang Ramadan*

**19 Mac 2026, Kuala Lumpur** – Sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan, mySalam telah menganjurkan *Jelajah mySalam Edisi Ramadan*, sebuah inisiatif kebajikan berskala nasional yang bertujuan menyantuni komuniti B40 di seluruh negara melalui pengagihan juadah berbuka puasa, bantuan keperluan asas serta pemeriksaan kesihatan percuma kepada golongan yang memerlukan.

Jelajah ini bermula di sekitar Masjid Jamek Kuala Lumpur dengan menyantuni komuniti gelandangan melalui pengagihan makanan berbuka puasa, di samping interaksi secara langsung bagi memahami cabaran kehidupan harian yang mereka hadapi. Pendekatan turun padang ini membolehkan mySalam mendekati golongan terpinggir dengan lebih berkesan, selaras dengan semangat keprihatinan yang dibawa oleh bulan Ramadan.

Siri jelajah kemudian diteruskan ke Kuantan, Pahang, melibatkan beberapa program yang dilaksanakan serentak termasuk Iftar Mahasiswa bersama pelajar Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), kunjungan kebajikan ke rumah anak-anak yatim serta penganjuran Iftar Perdana di Padang MBK. Program-program ini menghimpunkan pelajar dan komuniti setempat dalam suasana penuh kebersamaan, sambil memberikan sokongan moral dan kebajikan kepada mereka yang tidak berpeluang untuk pulang berbuka puasa bersama keluarga.

Ketua mySalam di Great Eastern Takaful, En. Syuhaib Ithnin berkata, “Inisiatif Jelajah mySalam Edisi Ramadan mencerminkan komitmen berterusan mySalam untuk mendekati masyarakat B40 secara lebih holistik. Ramadan adalah bulan untuk kita saling berkongsi dan cakna terhadap keperluan masyarakat. Melalui Jelajah mySalam Edisi Ramadan, kami bukan sahaja berkongsi rezeki, malah ingin memastikan komuniti B40 terus mendapat perhatian, sokongan serta maklumat berkaitan perlindungan kesihatan yang disediakan kerajaan. Usaha ini juga membolehkan kami mendengar secara langsung suara dan keperluan masyarakat di lapangan. mySalam akan terus komited dalam memperkukuh jaringan perlindungan sosial negara melalui pendekatan turun padang dan inisiatif kebajikan yang memberi impak langsung kepada komuniti.”

Sementara itu, bertempat di Damansara Damai, Selangor, mySalam turut menganjurkan Iftar Komuniti B40 dengan kerjasama Kedai Abang Tukang Masak dan pihak Komuniti Damansara Damai yang dihadiri kira-kira 400 orang penduduk setempat. Selain pengagihan hidangan berbuka puasa, program ini turut menyediakan pemeriksaan

kesihatan percuma di bawah inisiatif PEKAB40 serta agihan bakul makanan asas kepada keluarga B40 terpilih yang ditaja oleh Malaysian Takaful Association (MTA) bagi membantu meringankan beban kos sara hidup. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Lanjan, YB Pua Pei Ling.

Sebagai tanda penghargaan kepada para petugas kesihatan serta turut menyantuni para pesakit, Jelajah mySalam Edisi Ramadan turut merangkumi kunjungan ke beberapa hospital di sekitar Lembah Klang dengan pengagihan pek kurma untuk menceriakan mereka yang berbuka puasa ketika menjalankan tugas serta buat mereka yang menjalani Ramadan dalam suasana mencabar. Jelajah ini kemudiannya melabuhkan tirainya di negeri Sabah dengan menyantuni komuniti rider e-hailing melalui pengagihan pek makanan berbuka sebagai penghargaan atas komitmen dan pengorbanan mereka sepanjang bulan Ramadan.

*Jelajah mySalam Edisi Ramadan* merupakan sebahagian daripada usaha berterusan mySalam untuk memupuk budaya prihatin, mengukuhkan semangat kebersamaan dan memastikan golongan berpendapatan rendah tidak tercicir, khususnya sepanjang bulan Ramadan.

Sejak diperkenalkan pada 2019, mySalam telah membantu lebih 1.9 juta individu dengan jumlah tuntutan bernilai RM1.398 billion setakat 28 Februari 2026.

**-TAMAT-**

## **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan teras tanggungjawab sosialnya – Financial Literacy (GREAT-Pintar) dan Meningkatkan Kualiti Hidup (GREAT-Care) demi kesejahteraan masyarakat.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia pada tahun 2023. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern

Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif-Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Pada tahun 2025, Great Eastern Takaful sekali lagi dinobatkan sebagai Pengendali Takaful Terbaik oleh The BrandLaureate BestBrands Awards selain memenangi tiga anugerah daripada HR Excellence Awards 2025. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greateastertakaful.com](http://www.greateastertakaful.com) . Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel: +6016 - 209 234

E-mel: [MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com)